

**BAHASA MELAYU [011]****Satu jam lima belas minit**

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A**[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 “_____ hendak membantu ayah membasuh kereta ayah,” kata Danish dan Daniel kepada Encik Dani.

- A Kita
- B Kami
- C Awak
- D Kalian

TIP**Cara menjawab soalan**

Teliti penggunaan kata ganti nama diri yang paling sesuai berdasarkan konteks ayat yang diberikan.

- 2 Nenek lebih gemar menggunakan dapur kayu api untuk _____ ubi kayu.

- A mereneh
- B merebus
- C menanak
- D menjerang

Soalan 3

- 3 Pilih ayat yang betul.

- A Ayah membawa balik segugus pisang dari kebun.
- B Adik sedang makan seketul kek coklat yang kecil di dapur.
- C Aida membawa dua tongkol jagung sebagai bekal ke sekolah.
- D Nenek menggunakan dua batang petai untuk membuat sambal bilis petai itu.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada suatu hari, haiwan-haiwan di hutan mengadakan mesyuarat. Mereka menghadapi masalah kerana pemburu haram sering menangkap kaum kerabat mereka sehingga mereka semakin pupus. Singa yang dilantik sebagai ketua haiwan meminta semua haiwan berfikir untuk mencari jalan penyelesaian.

Akhirnya, mereka mendapat buah fikiran. Mereka akan keluar untuk mencari makanan secara berkumpulan. Haiwan yang ternampak pemburu haram akan memberitahu haiwan yang lain dengan segeranya. Mereka pun menurunkan tandatangan sebagai persetujuan. Mereka gembira kerana telah mencapai kata sepakat untuk menyelesaikan masalah itu.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa haiwan-haiwan di hutan menghadapi masalah pemburu haram yang menangkap kaum kerabat mereka.

- 4 Apakah masalah yang dihadapi oleh haiwan-haiwan di hutan?
- A Makanan di dalam hutan yang semakin sedikit.
 - B Pemburu haram menangkap kaum kerabat mereka.
 - C Tandatangan yang perlu diturunkan sebagai persetujuan.
 - D Jalan penyelesaian terhadap masalah pelantikan ketua haiwan.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Singa ialah ketua haiwan di hutan.
 - B Singa akan keluar untuk mencari makanan.
 - C Haiwan-haiwan di hutan berjaya menangkap pemburu haram.
 - D Mereka tidak mendapat kata sepakat untuk menyelesaikan masalah itu.
- 6 Yang berikut ialah nilai baik yang ada pada haiwan-haiwan di hutan berdasarkan petikan *kecuali*
- A bersepakat.
 - B bekerjasama.
 - C bersatu padu.
 - D berpecah belah.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KEM KELUARGA BAHAGIA

**DAFTAR
SEGERA**

**Anjuran Taman Mastana
dengan Kerjasama
Persatuan Mahasiswa Selangor,
Universiti Malaya**

Tarikh: 20 hingga 21 Mei 2023
Tempat: Dewan Serba Guna Taman Mastana

Objektif kem:

- Membina keluarga harmoni
- Memupuk semangat cinta akan keluarga
- Mengeratkan hubungan

Tarikh tutup penyertaan: 11 Mei 2023

Penyertaan: Percuma

Bilangan: Terhad kepada 50 keluarga sahaja





BAHAN 2

"Ibu, ayah, lihat iklan ini," kata Ramesh sambil menunjukkan sehelai kertas kepada ibu dan ayahnya yang sedang menonton televisyen.

"Wah, menariknya program ini! Bolehlah kita menyertainya," kata ibu Ramesh.

"Ayah pun bersetuju jika kita menyertai kem ini. Banyak manfaat yang dapat kita peroleh daripada kem ini," kata ayah Ramesh pula.

"Betul kata ayah. Kita perlu cepat mendaftarkan nama kerana penyertaannya *terhad* kepada 50 buah keluarga sahaja," kata Ramesh lagi.

"Baiklah, Ramesh. Ayah akan mendaftarkan nama keluarga kita nanti," kata ayah Ramesh.

© The Malaya Press Sdn. Bhd.

1-3

KERTAS MODEL UASA LINGKARAN ILMU
Bahasa Melayu SJKC Tahun 5 KSSR Semakan



7 Di manakah Kem Keluarga Bahagia diadakan?

- A Selangor
- B Taman Mastana
- C Universiti Malaya
- D Dewan Serba Guna Taman Mastana

8 "Tbu, ayah, lihat iklan ini," kata Ramesh sambil menunjukkan sehelai kertas kepada ibu dan ayahnya yang sedang menonton televisyen.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C ketul.
- D bentuk.

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

9 Perkataan *terhad* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A terbatas.
- B tersekat.
- C terputus.
- D terkecuali.

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Tarikh tutup penyertaan adalah pada 21 Mei 2023.
- B Bayaran penyertaan kem adalah sebanyak RM50.00.
- C Ramesh dan ibu bapanya berminat untuk menyertai Kem Keluarga Bahagia.
- D Ibu Ramesh akan mendaftarkan penyertaan keluarga mereka dalam kem itu.

Bahagian B

[10 markah]

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Danish dan adiknya, Daniel sedang bermain badminton di halaman rumah. Adik perempuannya, Daniella sedang bermain basikal sambil diperhatikan oleh kakaknya, Danisha. Ibunya sedang menanam anak pokok bunga ke dalam pasu bunga. Ayahnya pula memangkas daun-daun pokok bunga supaya lebih kemas dan rapi.

“Aduh, sakitnya!” Tiba-tiba kedengaran suara Daniel mengaduh. Daniel terjatuh ketika bermain badminton. Lututnya luka dan berdarah.

“Danish, tolong ambilkan peti kecemasan,” kata ibu Danish. Beliau segera mencuci dan merawat luka pada lutut Daniel. Daniel mengucapkan terima kasih kepada ibunya.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa Danish dan adiknya sedang bermain badminton di halaman rumah.

1 (a) Danish dan adiknya sedang bermain _____ di halaman rumah.
[1 markah]

(b) Mengapakah Daniel mengaduh?

[2 markah]

(c) *Gariskan satu kata kerja yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Beliau segera mencuci dan merawat luka pada lutut Daniel.

[1 markah]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

“Danish, tolong ambilkan peti kecemasan,” kata ibu Danish.

Ibu Danish meminta Danish mengambil peti kecemasan.	
Ibu Danish memaksa Danish mengambil peti kecemasan.	

[1 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud ayat yang sama dengan ayat yang diberikan.

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

- 2 Kamu melihat pokok-pokok bunga di rumah jiran kamu layu akibat tidak disiram air. Jiran kamu pula pulang ke kampung kerana ada urusan kecemasan.

Sebagai seorang jiran, apakah tindakan yang akan kamu lakukan? **KBAT**

[5 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.